

KPKT akan kaji semula dasar rumah transit PPR terbiar

SUNGAI PETANI – Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) akan mengkaji semula dasar rumah transit yang dibina di bawah Program Perumahan Rakyat (PPR) bagi membolehkan penyewa memiliki rumah berkenaan menerusi konsep sewa beli.

Menterinya, Tan Sri Noh Omar berkata, ia berikutan beberapa PPR terbiar tanpa penyelenggaraan dan

pengurusan sempurna kerana tiadanya perasaan memiliki terhadap rumah yang diduduki dengan menganggapnya sebagai rumah sewa semata-mata.

"Saya lihat rumah PPR, mereka (penyewa) masuk (menduduki) kemudian terbiar, ini rumah sewa, depa (mereka) harap tuan tanah (pemilik projek PPR) baiki tapi tuan tanah hak baiki macam mana jika sewa pun tak bayar," katanya selepas melawat PPR Harmoni di sini semalam.